

menyesuaikan rawatan

Pertukaran Rekod
Perubatan Elektronik

akses yang
pantas lagi tepat

PERTUKARAN REKOD
PERUBATAN ELEKTRONIK

Rekod-rekod
perubatan

faedah
Teknologi Maklumat

Penjagaan yang paling sesuai untuk anda,
di mana saja anda berada



Pertukaran Rekod Perubatan Elektronik atau Electronic Medical Record Exchange (EMRX) adalah satu inisiatif oleh Kementerian Kesihatan dan dua kelompok penjagaan kesihatan awam - Perkhidmatan Kesihatan Singapura (Singapore Health Services) dan Kumpulan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan (National Healthcare Group) - untuk berkongsi rekod perubatan elektronik di kalangan hospital awam dan poliklinik di Singapura.

Perkongsian rekod perubatan elektronik membolehkan kakitangan perubatan yang terlibat dalam rawatan anda untuk mendapatkan rekod perubatan elektronik anda dengan pantas lagi tepat. Ini memastikan bahawa penjagaan yang disediakan adalah selamat, bermutu tinggi dan sesuai dengan keperluan anda.

Risalah ini akan menerangkan kepada anda tentang EMRX, dan di mana anda boleh mendapatkan keterangan lanjut sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan.

Sebelum ini, apabila seseorang pesakit datang, kami terpaksa menunggu sehingga satu jam sebelum rekod-rekod perubatannya di hospital kami sendiri boleh diperolehi. Sekarang, ia dilakukan dengan segera dan meliputi semua institusi penjagaan kesihatan.

Dr Tan, Doktor Jabatan Kemalangan & Kecemasan



Apakah dia rekod perubatan elektronik?
Setiap kali kita berjumpa doktor, dia akan menyimpan rekod terperinci mengenai pertemuan tersebut, seperti diagnosis, keputusan ujian dan ubat yang ditetapkan. Nota-nota ini merupakan rekod perubatan anda.

Pada masa lalu, rekod-rekod perubatan dicatat di kertas dan disimpan di dalam folder-folder berasingan oleh pihak hospital atau klinik yang anda lawati. Jika anda melawat hospital atau klinik lain, hospital atau klinik tersebut akan menyimpan rekod yang berasingan. Rekod-rekod lawatan anda yang lalu ke institusi penjagaan kesihatan lain tidak boleh didapati kecuali jika diminta secara khas oleh doktor anda.



Rekod perubatan elektronik adalah cara yang lebih baik untuk menyimpan maklumat perubatan anda melalui teknologi maklumat (IT). Tidak seperti rekod perubatan kertas, rekod perubatan elektronik boleh:

- Dikongsi di kalangan institusi penjagaan kesihatan.
- Dipastikan keselamatannya melalui akses IT yang sesuai dan langkah-langkah keselamatan.

Mengapakah rekod perubatan anda penting?
Setiap seorang daripada kita adalah unik. Kita mempunyai reaksi yang berbeza terhadap ubat-ubatan dan rawatan. Rekod-rekod perubatan membolehkan kakitangan perubatan yang merawat anda untuk mendapatkan sejarah perubatan anda, ubat yang anda alah dan maklumat penting anda yang lain. Ini membolehkan mereka membuat penilaian yang terbaik tentang keadaan kesihatan anda dan memberi anda penjagaan yang paling sesuai dengan anda.

Apakah itu EMRX?
EMRX adalah satu inisiatif oleh Kementerian Kesihatan dan dua buah kelompok penjagaan kesihatan awam iaitu Perkhidmatan Kesihatan Singapura (Singapore Health Services) dan Kumpulan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan (National Healthcare Group) untuk berkongsi rekod perubatan elektronik di kalangan hospital awam dan poliklinik di Singapura.

Apakah faedah EMRX?
EMRX membolehkan rekod-rekod perubatan elektronik dikongsi oleh semua hospital awam dan poliklinik. Dengan memperolehi maklumat perubatan penting anda dengan pantas dan tepat, kakitangan perubatan yang terlibat dengan rawatan anda dapat menyesuaikan rawatan bagi memenuhi keperluan unik anda dengan lebih baik, di mana sahaja anda berada. Ini:

- Memperbaiki kualiti penjagaan yang disediakan, yang memastikan anda sembuh dengan lebih cepat.
- Meningkatkan keselamatan. Misalnya, maklumat yang mudah didapati pada bila-bila masa mengenai ubat yang anda alah dan ubat yang anda ambil, akan membolehkan para doktor untuk memberi ubat yang betul dan mengurangkan kesan sampingan yang tidak diingini.
- Mengurangkan kos untuk anda kerana para doktor sekarang boleh melihat hasil ujian darah, x-ray dan pemeriksaan yang anda jalani baru-baru ini di Internet, oleh itu mengurangkan keperluan untuk mengulangi ujian-ujian tersebut.

Bagaimana Rekod Perubatan Elektronik dapat menyelamatkan nyawa
Encik Mohamad, 80 tahun, telah dikejarkan ke Jabatan Kecemasan setelah beliau jatuh dan cedera di kepala. Malangnya, menantu Encik Mohamad yang menghantarnya ke hospital tidak dapat memberitahu doktor jika Encik Mohamad sedang mengambil sebarang ubat atau menghidap sebarang penyakit.

Melalui sistem rekod perubatan elektronik, para doktor dengan segera mengetahui yang Encik Mohamad sedang mengambil ubat pencairan darah, yang boleh menyebabkan pendarahan dalam otak. Berpandukan maklumat terkini mengenai keadaan perubatannya, para doktor dapat memutuskan dengan segera bentuk rawatan kecemasan yang sesuai untuknya. Ini berpotensi membantu menyelamatkan nyawa Encik Mohamad kerana para doktor dapat mengambil kira keadaan perubatan Encik Mohamad apabila merawatnya.

Kita adalah orang biasa. Kita tidak tahu mengenai ubat yang kita ambil ataupun bagaimana keadaan kita. Sekurang-kurangnya dengan sistem ini, para doktor dapat mengetahuinya dengan segera.

Menantu Encik Mohamad

Apakah maklumat yang akan dikongsi?
Kami bercadang untuk berkongsi semua maklumat perubatan yang disimpan di dalam rekod perubatan elektronik yang diperlukan untuk tujuan klinikal. Sebagai permulaan, maklumat berikut akan dikongsi:

- Ringkasan Semasa Keluar dari hospital – ini merumuskan rekod terkini kemasukan seseorang ke hospital termasuk rawatan yang diterima dan penyelidikan klinikal
- Keputusan ujian makmal (misalnya keputusan ujian darah)
- X-ray dan keputusan ujian radiologi yang lain



- Laporan pembedahan perubatan
- Ubat-ubat yang dipreskripsi

Siapakah yang boleh mendapatkan rekod perubatan elektronik saya?
Hanya doktor-doktor dan kakitangan penjagaan kesihatan yang terlibat dalam merawat anda sahaja yang dibenarkan mendapatkan rekod perubatan elektronik anda.

Bagaimanakah anda memastikan yang rekod perubatan saya disimpan dengan selamat?

Semua kakitangan perubatan terikat dengan undang-undang dan etika profesional untuk merahsiakan maklumat perubatan anda. Oleh kerana ini adalah rekod komputer, kakitangan perubatan yang mendapatkannya tanpa kebenaran dianggap telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 3 (1) Akta Penyalahgunaan Komputer, Bab 50A. Di bawah Akta ini, rekod perubatan elektronik yang disimpan oleh kedua-dua kelompok penjagaan kesihatan awam dianggap sebagai bahan yang dilindungi oleh undang-undang. Hukuman yang lebih berat bagi kesalahan di bawah Seksyen 9 Akta ini adalah denda tidak melebihi \$100,000 dan/atau hukuman penjara sehingga 20 tahun bagi sesiapa yang mendapatkan maklumat tanpa kebenaran atau melanggar Akta ini.

Sebagai tambahan, kami telah juga menyediakan kawalan yang ketat ke atas sesiapa yang ingin mendapatkan rekod perubatan dan akan melakukan audit secara berkala untuk mencegah dan mengesan sebarang cubaan mendapatkan data anda tanpa kebenaran.

Untuk Mengetahui Lebih Lanjut:
Untuk keterangan lanjut mengenai EMRX, sila lungsuri laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.sg>, atau hantarkan e-mel kepada kami di moh_info@moh.gov.sg



Nota:
Seperti semua hospital, institusi-institusi di bawah Perkhidmatan Kesihatan Singapura (Singapore Health Services) dan Kumpulan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan (National Healthcare Group) menyediakan latihan bagi bakal generasi doktor dan jururawat masa depan dan karyawan penjagaan kesihatan yang lain. Oleh itu, mereka mungkin perlu melihat rekod-rekod perubatan bagi tujuan latihan. Tetapi mereka yang melihat rekod tersebut adalah bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk tidak mendedahkannya kepada sesiapa. Rekod perubatan pesakit yang digunakan dalam latihan perubatan akan dirahsiakan.

Walaupun terdapat risiko kecil bahawa ada orang mungkin cuba mendapatkan rekod perubatan tanpa kebenaran (dalam kes rekod komputer, misalnya kakitangan perubatan yang tidak dibenarkan, atau 'penggodam' mencuba mendapatkan maklumat dari sistem rekod perubatan elektronik), kami memberi jaminan kepada anda bahawa kami akan mengambil segala langkah untuk melindungi rekod pesakit anda.